

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN CHARLES ANTHONY
SANTIAGO [KLANG]**

TARIKH : 16 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status pindaan Akta Kerja 1955 (Employment Act), dan apakah elemen–elemen baru yang akan dikemukakan dalam pindaan berkenaan. Dan apakah strategi kerajaan untuk mendapat pandangan kumpulan kepentingan dalam proses pindaan akta ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Elemen-elemen baharu yang di cadang untuk diperkenalkan termasuklah waktu kerja anjal, cuti kebapaan dan anti-diskriminasi. Selain itu, pindaan-pindaan lain yang selaras dengan standard antarabangsa juga di cadang dibuat ke atas peruntukan sedia ada seperti peluasan liputan kepada semua pekerja sektor swasta, penambahbaikan tempoh cuti bersalin kepada 98 hari dan cara pembayaran gaji melalui institusi kewangan.
2. Kementerian Sumber Manusia (KSM) telah pun mengadakan sesi libat urus (*engagement*) yang menyeluruh dengan pihak berkepentingan termasuklah secara atas talian bagi mendapatkan pelbagai pandangan untuk diadaptasi dalam peruntukan sedia ada bagi Akta Kerja 1955 (Akta 265).
3. Sebuah Jawatankuasa Teknikal bagi pindaan Akta 265 ini turut ditubuhkan di bawah Majlis Penasihat Buruh Kebangsaan (NLAC) dan telah pun mengadakan mesyuarat untuk meneliti dan memperincikan cadangan pindaan ke atas Akta ini.
4. Pada masa ini, KSM sedang dalam tindakan memperhalusi cadangan pindaan ke atas Akta ini dengan Jabatan Peguam Negara.